

**KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD**

(Bil. Daftar: 200971600405 / W-6-0539)

No. 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya, Selangor.

Tel: 03-7877 1755

KOMUJA BR SENARAI SEMAK

Nama Pemohon :

No K/P :

No Brg	Borang / Dokumen	Bil.	Sah oleh Pegawai	Sah oleh Pejabat	Catatan
01	Pengesahan Dokumen & Pengeluaran Pembiayaan	1			
02	Permohonan Menjadi Anggota	1			
03-04	Permohonan Pembiayaan Peribadi	1			
05-09	Surat Tawaran Pembiayaan	1			
10-12	Kontrak Jualan Murabahah	1			
13	Surat Perlantikan Wakil Komoditi	1			
14	Surat Aku Janji (Wa`d)	1			
15	Surat Kebenaran Menyelesaikan Pembiayaan	1			
16	Surat Kebenaran Menolak Kos	1			
17	Surat Kebenaran Potongan Gaji	1			
18	Perakuan & Pengisytiharan Maklumat Kewangan	1			
19	Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu	1			
20	Surat Aku Janji Pembiaya Prinsipal	1			
21	Surat Pengesahan Jawatan	1			
22-23	Lembaran Penzahiran Produk	1			
Dokumen					
A	Penyata Gaji Terkini - Asal dan Salinan (Salinan perlu disahkan oleh Majikan)	1/3			
B	Penyata Gaji 2 Bulan Sebelum (Salinan perlu disahkan oleh Majikan)	3/3			
C	Kad Pengenalan (Depan & Belakang dalam satu muka surat, disahkan oleh Majikan)	3			
D	Borang BPA 1/79 (Warna biru)	1			
E	Salinan Buku Bank / Bank Statement (Untuk pengeluaran wang)	1			
F	Salinan Bil Elektrik / Air / Astro (Untuk pengesahan alamat rumah)	1			
G	Surat Opsyen (Untuk mengesahkan tarikh bersara, sekiranya perlu)				

Nota-nota penting:

- Sila gunakan pen mata bulat (ball pen) yang berdakwat hitam
- Tulisan hendaklah jelas dan terang
- Semua butiran dalam borang hendaklah diisi dengan penuh
- Semua salinan hendaklah disahkan oleh Majikan
- Semua salinan dokumen mesti jelas dan terang
- Semua borang yang dinyatakan di atas mesti disertakan bersama permohonan ini. Jika terdapat borang yang **TIDAK LENGKAP**, maka pihak Koperasi berhak **MENOLAK** permohonan tersebut.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa permohonan ini lengkap dan semua maklumat dalam permohonan adalah BENAR dan TULEN.

.....
Pegawai Pemasaran

Nama Pegawai :
Telefon :
Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

.....
Pegawai Menerima

Nama Pegawai :
Tarikh Terima :
Masa Terima :

am/pm



KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD

(Bil. Daftar: 200971600405 / W-6-0539)

No. 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya, Selangor.

Tel: 03-7877 1755

PENGESAHAN DOKUMEN & PENGELUARAN PEMBIAYAAN

UNTUK KEGUNAAN KOPERASI

NAMA	:	
NO. KAD PENGENALAN	:	
JUMLAH DILULUSKAN	:	
NO. RUJUKAN	:	

A. Saya sahkan dokumen-dokumen berikut bagi pembiayaan di atas dilengkapkan dalam keadaan sempurna:

- | | | | |
|-----------------------------------------------|--------------------------|--------------------------------------------|--------------------------|
| 1 Surat Tawaran Yang Telah Diterima | <input type="checkbox"/> | 6 Surat Kebenaran Potongan Gaji | <input type="checkbox"/> |
| 2 Kontrak Jualan | <input type="checkbox"/> | 7 Surat Potongan Gaji (BPA 1/79 atau 2/79) | <input type="checkbox"/> |
| 3 Surat Perlantikan Wakil | <input type="checkbox"/> | 8 Surat Pengesahan Jawatan | <input type="checkbox"/> |
| 4 Surat Aku Janji (Wa`d) | <input type="checkbox"/> | 9 Lembaran Penzahiran | <input type="checkbox"/> |
| 5 Surat Kebenaran Menolak Kos dari Pembiayaan | <input type="checkbox"/> | | |

B. Dengan ini saya memohon pengeluaran pembiayaan seperti berikut :-

- | | | |
|---|-----------------------------------|--------------------------|
| 1 | Jumlah Pembiayaan Yang Diluluskan | RM _____ |
| 2 | Pelarasan Pembiayaan Lama | RM _____ (tolak) |
| 3 | Penolakan Kos | |
| | i) Caj pemprosesan | RM <u>100.00</u> (tolak) |
| | ii) Lain-lain | RM _____ (tolak) |
| | JUMLAH PENGELUARAN | RM _____ |

Disahkan betul seperti kenyataan di atas dan diluluskan pengeluaran pembiayaan seperti di atas.

Tarikh : _____

Jawatankuasa Pembiayaan : _____

PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA

SILA GUNAKAN HURUF BESAR DAN "BALL PEN" YANG BERDAKWAT HITAM

A. BUTIR PERIBADI

Nama (Seperti K/P)														
No K/P Baru					-					-				
No K/P Lama / Polis														
Jantina	<input type="checkbox"/> Lelaki	<input type="checkbox"/> Perempuan	Tarikh Lahir											
Telefon Rumah				Telefon Bimbit										
Bangsa	<input type="checkbox"/> Melayu	<input type="checkbox"/> Cina	<input type="checkbox"/> India/Sikh	<input type="checkbox"/> Lain-lain	Nyatakan : _____									
Agama	<input type="checkbox"/> Islam	<input type="checkbox"/> Kristian	<input type="checkbox"/> Buddha	<input type="checkbox"/> Hindu	<input type="checkbox"/> Lain-lain	Nyatakan : _____								
Taraf Perkahwinan	<input type="checkbox"/> Bujang	<input type="checkbox"/> Berkahwin	<input type="checkbox"/> Bercerai/Janda	<input type="checkbox"/> Duda/Balu	Alamat Email : _____									
Alamat Rumah														
Negeri								Poskod						
Nama Majikan														
Alamat Majikan														
Negeri								Poskod						
Pekerjaan						Telefon Majikan								

B. PENAMA / WARIS

Nama														
No K/P Baru					-					-				
Hubungan														
No. Telefon														

C. IKRAR

- 1) Saya berikrar bahawa, saya terikat dengan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Aktiviti yang sedia ada bagi Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad dan dengan apa-apa pindaan kepada Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Aktiviti tersebut yang dibuat di sisi undang-undang semasa tempoh keanggotaan saya.
- 2) Saya sertakan bayaran Fi Masuk RM20 dan bersetuju untuk membuat bayaran modal saham, yuran dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Koperasi dari masa ke semasa, jika bayaran balik pembiayaan saya dibuat melalui potongan gaji.
- 3) Saya juga akan berusaha menambah saham saya seperti yang dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil Koperasi.
- 4) Saya mengaku bahawa saya akan mematuhi Fasal 26 & 27 Akta Koperasi 1993 dari segi keanggotaan.
- 5) Saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberi di dalam borang permohonan ini adalah benar dan tepat.

Tarikh :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

..... X
Tandatangan Pemohon

UNTUK KEGUNAAN KOPERASI SAHAJA

Tarikh diterima				No. Anggota			
Tarikh diluluskan menjadi anggota				Saham dipohon (unit)			
No Resit Bayaran				Saham dibayar (RM)			
				Fi masuk (RM)			

Diluluskan oleh :

Tandatangan :

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (Bil. Daftar: 200971600405 / W-6-0539)

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya, Selangor.

SURAT TAWARANNo Rujukan :
Tarikh :

Tuan/Puan,

PERMOHONAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i SEBANYAK RM**NAMA ANGGOTA/PEMOHON :****NO. KAD PENGENALAN :**

Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (selepas ini disebut sebagai "Koperasi") akan menawarkan kemudahan Pembiayaan Peribadi-I kepada tuan/puan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- 1.0 KONSEP SYARIAH : Tawarruq
- 2.0 JUMLAH PEMBIAYAAN : Ringgit Malaysia

(RM_____)
- 3.0 KADAR KEUNTUNGAN : _____ %
- 4.0 HARGA JUALAN TANGGUH : RM _____ (Kos: RM _____, Keuntungan: RM_____)
- 5.0 TEMPOH BAYARAN ANSURAN : _____ tahun
- 6.0 MAKLUMAT ASET/ KOMODITI : _____
- 7.0 BAYARAN ANSURAN : Tuan/Puan dikehendaki membayar ansuran bulanan sebanyak RM _____ sebulan dari bulan _____20____ ke bulan _____20____.
- Ansuran pertama bermula pada berikutnya jika pembiayaan dikeluarkan selepas/ pada 16hb. Ansuran seterusnya hendaklah dibayar pada bulan berikutnya sehingga kesemua harga jualan dijelaskan sepenuhnya.
- 8.0 CARA BAYARAN ANSURAN : Ansuran bulanan hendaklah dibayar melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA setiap bulan. Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, tuan/puan mestilah membuat bayaran terus kepada Koperasi:
- 8.1 Sehingga potongan gaji oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA berkuatkuasa dan/atau;
- 8.2 Sekiranya potongan gaji tidak dikirinkan kepada atau tidak diterima oleh pihak Koperasi atas apa-apa alasan sekalipun.
- 9.0 BAYARAN PROSES : Tuan/Puan dikehendaki menjelaskan bayaran proses sebanyak RM 100.00 pada masa menerima tawaran ini.
- 10.0 SYARAT-SYARAT PENGELUARAN : Pengeluaran akan dibuat kepada tuan/puan setelah:
- 10.1 tuan/puan menandatangani surat tawaran ini dan lain-lain dokumen yang berkaitan (jika ada) ;

10.2 segala bayaran-bayaran yang berkaitan telah disempurnakan.

- 11.0 PENJELASAN AWAL & IBRA' (REBAT) : Tuan/Puan boleh menjelaskan harga jualan dan lain-lain kos AWAL & IBRA' sebenar (sekiranya ada) sepenuhnya pada bila-bila masa dan Pihak Koperasi hendaklah memberikan Ibra' (rebat) kepada Tuan/Puan di atas penjelasan awal tersebut. Berikut adalah formula penyelesaian awal.

Jumlah Penyelesaian Awal = Baki Harga Jualan – Ibra' + Caj Lewat Bayar (jika ada)

Ibra' = Keuntungan Belum Akru + Prinsipal yang belum dibayar (jika ada) - Yuran Penyelesaian Awal (Disahkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)) - Caj Perkhidmatan Koperasi (jika ada)

Ibra' bermaksud keuntungan tertanggung yang belum diambil kira sebagai keuntungan yang diperolehi. Sebarang Ibra' yang diberikan oleh Koperasi adalah dianggap muktamad dan pelanggan bersetuju mengenai ketetapan Ibra' yang diberikan tanpa sebarang pertikaian.

- 12.0 PENGHANTARAN NOTIS : Sebarang pertukaran alamat hendaklah segera dimaklumkan kepada pihak Koperasi secara bertulis. Sebarang surat-menyurat, notis atau tuntutan yang dihantar secara pos biasa atau berdaftar menggunakan alamat tersebut di atas atau alamat terakhir yang diketahui oleh Koperasi hendaklah dianggap telah disampaikan dan diterima pada masa dan dengan cara pada kebiasaannya surat tersebut diserahkan.

- 13.0 PENYAMPAIAN PROSES PERUNDANGAN : Penyampaian semua proses undang-undang adalah dianggap telah sah disampaikan sekiranya telah diposkan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada tuan/puan di alamat yang dinyatakan di dalam surat tawaran ini atau kepada alamat terakhir yang diberikan oleh tuan/puan secara bertulis kepada kami dan proses tersebut sama ada saman atau sebaliknya adalah dianggap telah disampaikan dengan sempurna selepas tiga (3) hari ia diposkan.

- 14.0 PAMPASAN (TA'WIDH) : Sekiranya Tuan/Puan gagal membuat pembayaran setiap bulan (TA'WIDH) atau mana-mana bayaran yang perlu dibuat pada atau sebelum tarikh bayaran tersebut perlu dibuat, Tuan/Puan perlu membayar caj ganti rugi lewat kepada Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad:

i. Harga Jualan Sebelum Tamat Tempoh Pembiayaan

- a. Caj gantirugi lewat yang dikira tidak melebihi kadar satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah ansuran tertunggak bermula dari tarikh ansuran tersebut perlu dibayar sehingga bayaran ansuran tersebut diterima oleh Koperasi. Kadar yang dikenakan tidak akan digandakan ke atas amaun tertunggak. Sekiranya keingkaran berterusan mengakibatkan pembiayaan ditamatkan, caj gantirugi lewat tidak melebihi kadar satu peratus (1%) setahun akan dikira ke atas jumlah baki Harga Jualan Tertunggak (tertakluk kepada Ibra' jika berkenaan) sehingga penghakiman diperolehi.
- b. Setelah penghakiman diperolehi, caj gantirugi lewat yang tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam akan dikenakan ke atas jumlah baki Harga Jualan Tertunggak dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian sepenuhnya diterima oleh Koperasi.

ii. Harga Jualan Selepas Tamat Tempoh Kemudahan

- a. Caj gantirugi lewat yang mana tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki Harga Jualan yang belum

jelas bermula dari tarikh tamat tempoh pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya diterima oleh Koperasi. Kadar yang dikenakan oleh Koperasi tidak boleh digandakan ke atas baki harga Jualan Tertunggak.

- b. Selanjutnya dipersetujui bahawa Ganti Rugi tidak akan dikompaun.
- c. Ganti Rugi pada kadar yang tersebut di atas hendaklah dibayar oleh pelanggan selepas dan juga sebelum apa-apa penghakiman atau perintah mahkamah.

- 15.0 SYARAT-SYARAT LAIN :
- 15.1 Koperasi akan memaklumkan status/kedudukan pembiayaan ini kepada tuan/puan pada bila-bila masa diperlukan sama ada bertulis atau lisan, jika berkenaan.
 - 15.2 Kelulusan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada tuan/puan adalah berdasarkan kepada Ketulenan Maklumat yang telah diberikan oleh tuan/puan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi yang telah ditandatangani oleh tuan/puan. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak tulen atau tidak betul ataupun sebarang pemalsuan maklumat-maklumat yang telah diberikan, tanpa prejudis, Koperasi mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan sama ada perundangan atau melaporkan kepada majikan dan/atau polis.
 - 15.3 Tuan/Puan diwajibkan untuk mengambil perlindungan takaful atau mencarum dalam Tabung Khairat (atau lain-lain perlindungan) yang disediakan oleh Koperasi. Takaful atau tabungan ini berkuatkuasa sepanjang tempoh bayaran ansuran pembiayaan tersebut.
 - 15.4 Adalah menjadi satu syarat pembiayaan ini bahawa tuan/puan memberi persetujuan kepada pihak Koperasi untuk memasukkan segala maklumat berkenaan pembiayaan tuan/puan kedalam sistem daftar CTOS, RAMCI, CCRIS dan/atau mana-mana syarikat lain atau penyumbang kepada syarikat/agensi tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut adalah disimpan secara sulit oleh pihak syarikat/agensi dan semua ahli/penyumbang.
 - 15.5 Koperasi dengan ini berhak atas budi bicara sepenuhnya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis kepada tuan/puan untuk menggabungkan atau mencantumkan mana-mana akaun, urusan kewangan dan/atau sebarang kemudahan tuan/puan samada secara persendirian atau bersama dengan Koperasi berserta segala liabiliti, obligasi dan sekuriti tuan/puan terhadap Koperasi dan menggunakan kesemuanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang wang di dalam simpanan Koperasi atau melalui skim potongan Biro Perkhidmatan ANGKASA untuk menyelesaikan sebarang keberhutangan dan tanggungjawab tuan/puan terhadap Koperasi di bawah Perjanjian ini.
 - 15.6 Tuan/Puan mengaku janji pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menandatangani, memeterai dan menghantar serta menyempurnakan segala penukaran, mandat, pemindahan hak milik, perjanjian, pengesahan dan dokumen serta melakukan segala tindakan dan perkara termasuk tetapi tidak terhad kepada yang Koperasi perlukan untuk meneruskan, menyempurnakan dan atau menguatkuasakan syarat-syarat kemudahan pembiayaan peribadi ini mengikut budi bicara Koperasi.
 - 15.7 Tiada kegagalan atau kelewatan dari pihak Koperasi dalam melaksanakan atau sebarang peninggalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru kepada Koperasi bawah syarat-syarat kemudahan pembiayaan peribadi ini

berhubung kemungkiran tuan/puan membayar yang akan megurangkan sebarang hak tersebut, kuasa, keistimewaan atau remedi atau ditafsir sebagai penepian daripadanya atau tanpa bantahan dalam sebarang kemungkiran tersebut mempengaruhi atau mengurangkan hak Koperasi, kuasa, keistimewaan atau remedi berhubung sebarang kegagalan pembayaran lain atau sebagainya.

15.8 Liabiliti tuan/puan di bawah kemudahan pembiayaan peribadi ini tidak akan terlepas dan tidak akan dipengaruhi oleh sebarang obligasi tuan/puan berhubung dengan kemudahan pembiayaan peribadi ini atau menjadi keseluruhannya atau sebahagiannya tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan terhadap tuan/puan dengan sebab sebarang kecacatan atau ketidakcukupan atau mahukan kuasa dari pihak tuan/puan atau pelaksanaan kuasa yang tidak berupa tidak sempurna atau tidak teratur atau pelanggaran atau mahukan autoriti oleh mana-mana orang yang dianggap bertindak bagi pihak tuan/puan atau disebabkan hak Koperasi telah disekat atau dengan alasan sebarang sekatan undang-undang, ketidakupayaan, kecacatan atau sebarang fakta atau keadaan lain samada diketahui atau tidak oleh Koperasi.

16.0 PERSETUJUAN
PENYERAHAN HAK

: Kemudahan pembiayaan peribadi ini adalah juga tertakluk kepada syarat tuan/puan memberi persetujuan dan akujanji untuk membenarkan dan memberikan hak eksklusif kepada Koperasi menjual dan menyerahkan segala haknya berkaitan dengan kemudahan pembiayaan ini kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) serta mengiktiraf Bank Rakyat sebagai pembiaya utama sekiranya Koperasi menjadi tidak solven dan dibubarkan atau dilikuidasi sama ada secara sukarela atau sebaliknya serta bersetuju membenarkan Bank Rakyat menguatkuasakan haknya sebagaimana termaktub dalam perjanjian kemudahan pembiayaan ini dan dokumen sekuriti berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada mengambil tindakan undang-undang terhadap tuan/puan atau penjamin (sekiranya ada) secara perseorangan atau berkumpulan terhadap mana-mana amaun pembiayaan yang tertunggak atau belum dibayar tanpa merujuk kepada tuan/puan, penjamin ataupun kepada Koperasi ataupun mana-mana pihak yang telah dilantik untuk menguruskan hal-ehwal harta tuan/puan dan/atau Koperasi.

Kemudahan pembiayaan peribadi ini adalah juga tertakluk kepada syarat tuan/puan memberi akujanji untuk membayar segala ansuran bulanan dan atau apa jua bayaran ansuran yang terhak kepada Bank Rakyat sebagai pembiaya utama melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) sekiranya

Koperasi menjadi tidak solven dan dibubarkan atau dilikuidasi sama ada secara sukarela atau sebaliknya.

17.0 PINDAAN

: Tuan/Puan dengan ini bersetuju bahawa Koperasi diberi kuasa mutlak dan budibicara yang sepenuhnya untuk mengubahsuai, menambah atau mengurangkan daris emasa ke semasa apa-apa syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan tuan/puan dengan ini juga bersetuju untuk akur dan mematuhi tanpa pertikaian sebarang pindaan yang dilakukan kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

Tuan/Puan dikehendaki menandatangani kesemua dokumen pembiayaan yang berkaitan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh persetujuan tuan/puan ke atas tawaran ini. Segala bayaran guaman dan perbelanjaan yang bersangkutan dengan urusan ini adalah di atas tanggungan tuan/puan walaupun tuan/puan memutuskan untuk tidak meneruskan urusan dokumentasi ini selepas menandatangani surat tawaran ini.

Sekiranya pihak kami tidak menerima sebarang maklumbalas daripada pihak tuan/puan dalam tempoh yang ditetapkan, maka dengan sendirinya tawaran ini adalah dianggap batal.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
Setiausaha
KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD

PERSETUJUAN DAN PENERIMAAN

Saya / Kami bersetuju menerima tawaran ini dengan syarat-syarat seperti di atas. Saya / Kami juga mengaku bahawa saya/kami tidak diisytiharkan muflis semasa menerima tawaran ini.

..... **X**
TANDATANGAN PEMOHON

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

KONTRAK JUALAN MURABAHAH

KONTRAK Jualan Murabahah ini dibuat pada tarikh yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 1.

ANTARA:

- (1) KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD ("Koperasi"); dan
- (2) Pihak yang bernama dan nombor pendaftaran negara ("No Kad Pengenalan") adalah seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual 1, bersama dengan ini ("Anggota").

Pihak-pihak ini bersetuju dan mengisytiharkan seperti berikut:

1. JUALAN KOMODITI

Berdasarkan kepada Surat Tawaran bertarikh _____ dan Aku Janji yang dikeluarkan oleh Anggota kepada Koperasi, Koperasi dengan ini menjual dan Anggota dengan ini membeli Komoditi (butiran yang mana adalah seperti yang dinyatakan pada Bahagian 3 Jadual 1 di dalam Perjanjian ini) ("Komoditi") pada harga jualan yang dinyatakan pada Bahagian 4 Jadual 1 di dalam Perjanjian ini ("Harga Jualan") yang merangkumi Harga Kos Koperasi seperti yang dinyatakan pada Bahagian 5 Jadual 1 di dalam Perjanjian ini dan margin keuntungan dengan pembayaran secara tangguh tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Surat Tawaran.

2. PEMINDAHAN HAK MILIK

- a. Setelah pemeteraian Kontrak Jualan Murabahah ini disempurnakan, liabiliti dan hak pemilikan bermanfaat terhadap Komoditi hendaklah dengan segera diserahkan kepada Anggota.
- b. Koperasi hendaklah menyimpan sijil yang berkaitan dengan Komoditi dalam jagaannya sebagai pemegang amanah bagi kepentingan Anggota untuk tujuan penjualan Komoditi seterusnya kepada peniaga Komoditi sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Perlantikan Wakil yang dikeluarkan oleh Anggota kepada Koperasi. Anggota mempunyai hak untuk memeriksa perakuan tersebut di premis Koperasi atau memohon Koperasi untuk memberikan satu salinan sijil tersebut kepada Anggota melalui permohonan bertulis kepada Koperasi.

3. PEMBAYARAN HARGA JUALAN

Pembayaran Harga Jualan oleh Anggota kepada Koperasi hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Bahagian 6 Jadual 1 kepada Perjanjian ini.

4. TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran, Aku Janji, Surat Perlantikan Wakil bersama-sama dengan dokumen undang-undang yang berkaitan dengan ini mengikat di antara Anggota dan Koperasi.

DENGAN INI DISAKSIKAN oleh pihak-pihak di dalam ini yang telah dilaksanakan Perjanjian ini pada hari dan tahun yang telah dinyatakan pada bahagian 1 jadual pertama di dalam ini.

ANGGOTA

Saya dengan ini bersetuju untuk membeli Komoditi seperti butiran yang dinyatakan pada Bahagian 3 dalam Jadual 1 di dalam Perjanjian ini dengan Harga Jualan yang dinyatakan pada Bahagian 4 Jadual 1 di dalam perjanjian ini, secara pembayaran tertangguh yang dinyatakan pada Bahagian 6 Jadual 1 di dalam perjanjian ini.

Ditandatangani oleh Anggota)
)
)
)
) **X**
) Nama :
) No. K/P:

Di hadapan:

.....
Nama :
No. K/P :

KOPERASI

Kami dengan ini bersetuju untuk menjual Komoditi seperti butiran yang dinyatakan pada Bahagian 3 dalam Jadual 1 di dalam Perjanjian ini dengan Harga Jualan yang dinyatakan pada Bahagian 4 Jadual 1 di dalam perjanjian ini, secara pembayaran tertangguh yang dinyatakan pada Bahagian 6 Jadual 1 di dalam perjanjian ini.

Ditandatangani bagi pihak)
Koperasi)
)
)
)
) Nama :
) Jawatan:

Di hadapan:

.....
Nama :
No. K/P :

Jadual 1

Bahagian	Perkara	Maklumat
1	Tarikh Kontrak Jualan Murabahah	
2	Nama dan No. K/P Anggota	Nama : No K/P:
3	Butiran Komoditi	Cert No.:
4	Harga Jualan	RM
5	Harga Kos Koperasi	RM
6	Pembayaran Harga Jualan	Ringgit Malaysia (RM) hanya perlu dibayar oleh Anggota kepada koperasi untuk ansuran bulanan.

SURAT PERLANTIKAN WAKIL

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (“Koperasi”)

No 59, Tingkat 2, JalanSS15/4C,
SS15,47500 Subang Jaya,
Selangor.

Tuan,

SURAT PERLANTIKAN WAKIL

Saya, dengan ini, secara muktamadnya melantik Koperasi untuk menjadi wakil saya untuk membeli dan menjual komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran (“Komoditi”) kepada mana-mana pembeli ketiga yang difikirkan sesuai oleh Koperasi.

Saya akan terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang melibatkan pembeli pihak ketiga untuk tujuan penjualan Komoditi bagi pihak saya.

Saya, dengan ini, memberikan kuasa penuh kepada Koperasi untuk menjual Komoditi pada harga RM (Jumlah Pembiayaan) sahaja. Pihak Koperasi diminta untuk menyerahkan hasil daripada penjualan tersebut ke dalam Akaun Bank saya yang telah dinyatakan dalam Aku Janji yang dikeluarkan oleh saya kepada Koperasi, yang telah ditetapkan bagi tujuan Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i.

Saya, dengan ini, mengaku janji untuk membayar ganti rugi kepada Koperasi atas segala kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Koperasi akibat memenuhi keperluan sebagai wakil saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

_____ X

Nama : _____

No. K/P: _____

Aku Janji (Wa`d)

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad ("Koperasi")

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C,
SS15, 47500 Subang Jaya,
Selangor

Tuan,

AKU JANJI (Wa`d)

Saya dengan ini merujuk kepada perkara di atas dan Surat Tawaran pada tarikh yang sama ("Surat Tawaran") dan dengan ini mengeluarkan Aku Janji ini.

Aku Janji Belian Komoditi

Selaras dengan Surat Tawaran, saya dengan ini, berakujanji untuk membeli komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ("Komoditi") daripada koperasi pada Harga Jualan yang tersebut dalam Surat Tawaran ("Harga Jualan") bersama-sama dengan semua kos lain yang termasuk dengannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran) yang kedua-duanya akan dibayar mengikut terma-terma dan syarat-syarat Surat Tawaran atau apa-apa kaedah lain yang dibenarkan oleh Koperasi.

Saya dengan ini memilih pilihan untuk:

(*Sila tandakan [√] jika berkenaan*)

- menerima penghantaran komoditi, atau menjual komoditi kepada mana-mana pihak ketiga atas kehedak saya, dengan segala kos berkaitan ditanggung oleh saya sendiri. Saya, dengan ini, melepaskan Koperasi daripada segala tanggungan dan beraku janji untuk menanggung rugi Koperasi terhadap apa-apa tindakan undang-undang termasuk menanggung rugi kesemua kos dan perbelanjaan atau kerosakan yang Koperasi mungkin alami atau tanggung berikutan dengan pilihan ini.

atau,

- meninggalkan komoditi itu kepada koperasi dan menyerahkan kuasa kepada Koperasi sebagai ejen saya untuk menjual komoditi itu kepada pihak pembeli ketiga pada harga kos Koperasi dan dengan itu mengkreditkan hasil jualan komoditi (jumlah pembiayaan) ke dalam akaun saya.

Harga Jualan (Jumlah Pembiayaan) : RM.....

Bank :

No Akaun :

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

_____ X

Nama : _____

No. K/P: _____

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (“Koperasi”)

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C,
SS15, 47500 Subang Jaya,
Selangor.

Tuan,

SURAT KEBENARAN MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN

Saya merujuk kepada perjanjian: _____ bertarikh _____ antara saya dengan KOMUJA.

- a) Saya mengaku dan mengesahkan bahawa saya telah memohon untuk membuat pembiayaan dengan KOMUJA dan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan adalah **RM**_____.
- b) Saya memberi kebenaran kepada KOMUJA untuk mengeluarkan cek atau membeli cek bank (banker’s cheque) dan membayar kepada institusi bank/koperasi/syarikat bagi pihak saya. Butir-butir pembayaran adalah seperti berikut:-

<u>NAMA INSTITUSI</u>	<u>JUMLAH</u>
1. _____	RM _____
2. _____	RM _____
3. _____	RM _____
4. _____	RM _____
5. _____	RM _____
6. _____	RM _____
7. _____	RM _____
8. _____	RM _____

- c) Saya membenarkan KOMUJA melanjutkan tempoh bayaran ansuran, sekiranya baki pembiayaan saya masih belum selesai di akhir tempoh masa yang ditetapkan di borang BPA 1/79.
- d) Saya memberi kuasa kepada KOMUJA menguruskan penyelesaian awal bagi pembiayaan saya yang berkaitan dan mendapatkan resit/Borang 2/79 atau surat perlepasan bagi urusan memberhentikan potongan gaji saya di BPA.

Saya mengaku dan bersetuju bahawa KOMUJA dilepaskan dari segala tanggungan dan kerugian yang mungkin wujud akibat tindakan dan arahan saya bagi penyelesaian pembiayaan yang telah dibuat kepada pihak yang dinyatakan di atas.

Seterusnya, saya bersetuju dan mengaku bahawa pembiayaan ini tidak boleh dibatalkan atas sebarang sebab setelah penyelesaian pembiayaan telah dibuat.

Yang benar,

_____ **X**

Nama : _____

No. K/P: _____

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (“Koperasi”)

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C,

SS15, 47500 Subang Jaya,

Selangor.

Tuan,

SURAT KEBENARAN POTONGAN GAJI

Dengan surat ini, saya yang bertandatangan di bawah memohon dan membenarkan tuan/puan memotong RM _____ (Ringgit Malaysia _____) dari gaji saya pada tiap-tiap bulan mulai daripada gaji bulan _____ untuk tujuan seperti berikut :

- | | | | |
|-----|-------------------------------------|------|--------------|
| (a) | Yuran Anggota | : RM | <u>30.00</u> |
| (b) | Ansuran Bulanan | : RM | _____ |
| (c) | Caj Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) | : RM | _____ |

Jumlah : RM _____

Saya memohon dan membenarkan tuan/puan menyampaikan wang-wang potongan itu kepada Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad dengan kadar yang segera.

Saya bersetuju menerima gaji saya selepas potongan-potongan tersebut dan menandatangani kertas gaji saya sebagai pengakuan bahawa gaji saya itu telah dibayar kepada saya dengan sepenuhnya walaupun potongan-potongan di atas telah dibuat terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

_____ X

Nama :

No. K/P :

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (“Koperasi”)

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C,

SS15, 47500 Subang Jaya.

Selangor.

Tuan,

PERAKUAN & PENGISYTIHARAN LAIN-LAIN MAKLUMAT KEWANGAN

(selain dari yang tertera di dalam penyata pendapatan)

A) Lain-lain Pendapatan

Bil.	Nama Bank/Koperasi/Institusi Kewangan	Jenis Pendapatan <i>(Sewa Rumah, Perniagaan, Deposit Simpanan dll)</i>	Amaun Bulanan (RM)
1			
2			
3			
4			
5			

B) Lain-lain Pembiayaan

Bil.	Nama Bank/Koperasi/Institusi Kewangan	Jenis Pembiayaan <i>(Pembiayaan, Kad Kredit dll)</i>	Amaun Bulanan (RM)
1			
2			
3			
4			
5			

(Sila lampirkan helaian tambahan jika ruang tidak mencukupi)

1. Saya mengaku tidak mempunyai kemudahan di institusi kewangan lain selain dari maklumat yang telah saya berikan di atas. Saya juga membenarkan pihak koperasi membuat semakan status kewangan saya di lain-lain institusi kewangan.
2. Dengan ini, saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang telah diberikan di atas adalah tepat dan benar. Pihak pembiaya berhak menolak permohonan/menarik balik pembiayaan sekiranya didapati maklumat yang diberi adalah tidak benar.

Yang benar,

_____ X

Nama :

No. K/P :



KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD

(Bil. Daftar: 200971600405 / W-6-0539)

No 59 Tingkat 2, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya, Selangor

Tel: 03-7877 1755

**KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU
Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR)**

PENDEDAHAN

Pemohon dengan ini membenarkan Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (KOMUJA) / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk menggunakan, menzahirkan atau melaporkan apa-apa maklumat yang berhubung dengan maklumat kredit individu dari Experian (agensi pelaporan kredit) bagi maksud atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan penilaian kredit atau pemulihan wang di bawah terma dan syarat perkhidmatan ini.

Pemohon dengan ini membenarkan KOMUJA / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk penzahiran, apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan akaun potongan gaji (SPGA) Pemohon ke Experian dan Pelanggan Experian, termasuk Bank dan / atau Institusi Kewangan, syarikat-syarikat, dimana ianya perlu dalam apa cara KOMUJA / ANGKASA merasakan perlu, bagi berkaitan dengan maksud seperti dinyatakan di bawah seksyen 24 menurut Akta Agensi pelaporan Kredit (Akta 710).

KOMUJA / ANGKASA / EXPERIAN tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada :-

- Permohonan pinjaman / pembiayaan,
- Penilaian / Permarkahan kredit,
- Kedudukan / Pemantauan akaun individu,
- Tujuan pemulihan hutang,
- Dokumentasi undang-undang dan / atau tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi.

TANDATANGAN PEMOHON.

.....
Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

DISAKSIKAN OLEH WAKIL ORGANISASI.

.....
Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (“Koperasi”)

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C,
SS15, 47500 Subang Jaya.
Selangor.

Tuan,

SURAT AKUJANJI

PEMBIAYAAN : Kemudahan Pembiayaan Peribadi Berjumlah RM _____
(Ringgit Malaysia: _____)

NAMA ANGGOTA : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

PEMBIAYA : KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD (KOMUJA)

PEMBIAYA PRINSIPAL : BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD

Saya seperti nama dan nombor kad pengenalan di atas, yang beralamat di _____
_____ merujuk kepada perkara di atas.

Sebagai balasan bagi Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad yang beralamat di No. 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C, 47500 Subang Jaya, Selangor (“KOMUJA”) menawarkan pembiayaan peribadi tersebut kepada saya dan di atas tujuan pembiayaan peribadi tersebut, saya dengan ini mengakujaji seperti syarat-syarat dan terma-terma yang berikut:

1. Sekiranya sesuatu perintah atau pengisytiharan penggulungan atau likuidasi dikenakan terhadap KOMUJA, saya dengan ini mengakui Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad sebagai Pembiaya Prinsipal dan bersetuju untuk membenarkan apa jua hak-hak seperti yang terkandung dalam perjanjian pembiayaan dan dokumen sekuriti dan seterusnya meneruskan tindakan undang-undang terhadap saya dan penjamin bagi apa-apa jumlah wang yang tertunggak, perbelanjaan dan / atau sebarang kos yang tertunggak kepada Pembiaya Prinsipal tanpa merujuk kepada saya atau KOMUJA atau Pelikuidasi;
2. Membayar ansuran bulanan dan / atau apa-apa wang yang tertunggak kepada Pembiaya Prinsipal melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) sekiranya KOMUJA menjadi insolven atau dibubarkan, sama ada secara paksa atau sukarela, dan
3. Memberi kebenaran kepada Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) untuk membuat pembayaran secara terus kepada Pembiaya Prinsipal sekiranya KOMUJA menjadi insolven atau dibubarkan atau dilikuidasi, sama ada secara paksa atau sukarela.

Yang benar,

Tandatangan Anggota: _____ **X**

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (KOMUJA)

No. 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C
SS15, 47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

PENGESAHAN JAWATAN

NAMA : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

Adalah dimaklumkan bahawa penama tersebut di atas berkhidmat sebagai:

Jawatan sekarang : _____

Tarikh mula berkhidmat : _____ di jabatan / sekolah ini.

Taraf perkhidmatan : _____

Gaji pokok + Elaun tetap : RM _____

Kami, sebagai majikan penama di atas, juga mengesahkan bahawa:

1. Tiada tindakan tatatertib telah diambil terhadap penama yang mungkin menyebabkan jawatannya akan digantung atau dibuang kerja;
2. Penama tidak / telah memohon untuk cuti tanpa gaji / cuti belajar / berhenti kerja;
3. Penama tidak / akan bertukar jabatan sekolah pada _____;
4. Penama bukan seorang yang mufliis;
5. Penama tidak / telah memohon bersara opsyenal / skim VSS pada _____.

Dengan ini, kami membenarkan penama membayar balik pembiayaan koperasi dengan potongan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) dan kami menjamin potongan gaji tidak akan diberhentikan atau dikurangkan amaun tanpa kebenaran rasmi daripada pihak koperasi.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan Majikan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____



COP RASMI MAJIKAN

KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD
LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Nama Produk: Pembiayaan Peribadi KOMUJA-i

(Sila baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembiayaan ini. Sila baca terma & syarat am)

1	<p>Produk ini mengenai apa? Produk ini merupakan pembiayaan peribadi tanpa cagaran yang dikira berdasarkan kadar tetap.</p>				
2	<p>Apakah Konsep Syariah digunapakai? - Kontrak Syariah ialah Al-Tawarruq adalah satu bentuk jual beli yang melibatkan pembelian sesuatu barang secara tangguh dan kemudian barang itu dijual secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada belian yang pertama kepada pihak yang ketiga di mana pihak ketiga ini bukanlah penjual asal. - Ia merujuk kepada kontrak yang melibatkan transaksi jual dan beli contohnya seperti: Koperasi akan membeli barangan untuk dijual kepada pelanggan, kemudian pelanggan membeli barangan itu dengan harga tertentu dan meminta koperasi sebagai wakil untuk menjual balik kepada orang lain. Koperasi akan jual balik kepada pihak ketiga dengan harga tunai. Konsep ini dinamakan dengan al-tawarruq, kerana pelanggan ketika membeli sesuatu barang ia tidak berniat untuk menggunakannya atau mememanfaatkannya, namun ia hanya bertujuan untuk mendapat al-wariq iaitu mendapat wang.</p>				
3	<p>Apa yang saya dapat dari produk ini? - Jumlah harga jualan: RM _____ - Jumlah amaun pembiayaan: RM _____ - Kadar keuntungan pembiayaan: ____% setahun - Kadar efektif pembiayaan: ____% - Tempoh pembiayaan: _____ tahun</p>				
4	<p>Apakah tanggungjawab saya? - Ansuran bulanan : RM _____ - Jumlah untuk dibayar termasuk jumlah pembiayaan: RM _____</p>				
5	<p>Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar? - Duti setem : RM 10.00 - Takaful : RM _____ - Sinking Fund Bank : RM _____ - Fi pemprosesan : RM 100.00</p>				
6	<p>Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang? - Caj penyelesaian awal akan dikenakan jika Harga Jualan diselesaikan sebelum matang. Amaun caj penyelesaian awal adalah 5.0% daripada baki pokok belum jelas pada tarikh penyelesaian awal.</p> <p>**Contoh pengiraan yang disediakan di bawah hanya untuk ilustrasi sahaja**</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%; text-align: left;">Contoh pengiraan 1</th> <th style="width: 50%; text-align: left;">Contoh pengiraan 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-8 - Jumlah pembiayaan: RM15,000 - Tempoh pembiayaan : 3 tahun (36 bulan) - Kadar keuntungan : 9.99% - Ansuran bulanan : RM541.54 - Baki pokok belum jelas pada bulan ke-8: RM12,320.94 - Caj Penyelesaian awal: 5% - Penyelesaian awal: 5% x RM12,320.94= RM616.05 CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM616.05</p> <p>*Pengiraan di atas tidak termasuk pengiraan untuk keuntungan terakru bagi bayaran ansuran lewat.</p> </td> <td style="vertical-align: top;"> <p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-7 - Jumlah pembiayaan: RM30,000 - Tempoh pembiayaan : 10 tahun (120 bulan) - Kadar keuntungan : 9.99% - Ansuran bulanan : RM499.75 - Baki pokok belum jelas pada bulan ke-7: RM29,246.22 - Caj Penyelesaian awal: 5% - Penyelesaian awal: 5% x RM29,246.22= RM1462.21 CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM1462.21</p> <p>*Pengiraan di atas tidak termasuk pengiraan untuk keuntungan terakru bagi bayaran ansuran lewat.</p> </td> </tr> </tbody> </table>	Contoh pengiraan 1	Contoh pengiraan 2	<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-8 - Jumlah pembiayaan: RM15,000 - Tempoh pembiayaan : 3 tahun (36 bulan) - Kadar keuntungan : 9.99% - Ansuran bulanan : RM541.54 - Baki pokok belum jelas pada bulan ke-8: RM12,320.94 - Caj Penyelesaian awal: 5% - Penyelesaian awal: 5% x RM12,320.94= RM616.05 CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM616.05</p> <p>*Pengiraan di atas tidak termasuk pengiraan untuk keuntungan terakru bagi bayaran ansuran lewat.</p>	<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-7 - Jumlah pembiayaan: RM30,000 - Tempoh pembiayaan : 10 tahun (120 bulan) - Kadar keuntungan : 9.99% - Ansuran bulanan : RM499.75 - Baki pokok belum jelas pada bulan ke-7: RM29,246.22 - Caj Penyelesaian awal: 5% - Penyelesaian awal: 5% x RM29,246.22= RM1462.21 CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM1462.21</p> <p>*Pengiraan di atas tidak termasuk pengiraan untuk keuntungan terakru bagi bayaran ansuran lewat.</p>
Contoh pengiraan 1	Contoh pengiraan 2				
<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-8 - Jumlah pembiayaan: RM15,000 - Tempoh pembiayaan : 3 tahun (36 bulan) - Kadar keuntungan : 9.99% - Ansuran bulanan : RM541.54 - Baki pokok belum jelas pada bulan ke-8: RM12,320.94 - Caj Penyelesaian awal: 5% - Penyelesaian awal: 5% x RM12,320.94= RM616.05 CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM616.05</p> <p>*Pengiraan di atas tidak termasuk pengiraan untuk keuntungan terakru bagi bayaran ansuran lewat.</p>	<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-7 - Jumlah pembiayaan: RM30,000 - Tempoh pembiayaan : 10 tahun (120 bulan) - Kadar keuntungan : 9.99% - Ansuran bulanan : RM499.75 - Baki pokok belum jelas pada bulan ke-7: RM29,246.22 - Caj Penyelesaian awal: 5% - Penyelesaian awal: 5% x RM29,246.22= RM1462.21 CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM1462.21</p> <p>*Pengiraan di atas tidak termasuk pengiraan untuk keuntungan terakru bagi bayaran ansuran lewat.</p>				
7	<p>Bagaimana jumlah ibra' (rebat) dikira? Jumlah ibra' (rebat) dikira menggunakan cara <i>Amortisation table</i> seperti pembiayaan yang diberikan oleh semua bank di Malaysia.</p> <p>Amortisation adalah proses mengagihkan jumlah pembiayaan kepada satu siri bayaran bulanan mengikut tempoh yang ditetapkan. Peminjam akan membuat bayaran kepada keuntungan dan pokok dengan amaun yang berbeza setiap bulan, tetapi amaun ansuran adalah sama untuk setiap bulan tersebut.</p>				

Tandatangan:

X

****Contoh pengiraan1 yang disediakan hanya untuk ilustrasi sahaja****

Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal dalam tempoh 8 bulan (contoh selepas membuat pembayaran selama 8 bulan)

- Jumlah pembiayaan: RM15,000
- Tempoh Pembiayaan: 3 tahun (36 bulan)
- Kadar Pulangan : 9.99%
- Jumlah pulangan : RM4,495.50
- Ansuran bulanan : RM541.54

Jadual Amortisation

Bulan	Ansuran	Ansuran Pokok	Ansuran Keuntungan	Baki Pokok	Keuntungan belum Akru	Baki Ansuran
1	541.54	317.78	223.76	14,682.22	4,271.74	18,953.96
2	541.54	322.53	219.01	14,359.69	4,052.73	18,412.42
5	541.54	337.18	204.36	13,362.95	3,424.85	16,787.80
6	541.54	342.21	199.33	13,020.74	3,225.52	16,246.26
7	541.54	347.31	194.23	12,673.43	3,031.29	15,704.72
8	541.54	352.49	189.05	12,320.94	2,842.24	15,163.18
9	541.54	357.75	183.79	11,963.19	2,658.45	14,621.64
10	541.54	363.09	178.45	11,600.10	2,480.00	14,080.10
34	541.54	518.02	23.52	1,059.07	24.07	1,083.14
35	541.54	525.75	15.79	533.32	8.28	541.60
36	541.60	533.32	8.28	0.00	0.00	0.00

Rebat (ibra') = Baki Pembiayaan - Baki Pokok - Caj Penyelesaian
 =RM15,163.18 - RM12,320.94 - RM616.05 = RM2,226.19

- 8 **Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**
 - Caj pampasan (Ta'widh) : 1% setahun daripada amaun tertunggak
 - Hak untuk menolak selesai ("set-off") : Koperasi berhak untuk menolak baki kredit dalam syer/yuran/simpanan anda dengan koperasi sekiranya segala usaha untuk mendapatkan anda menyelesaikan hutang anda tidak berjaya (sila rujuk fasal 12.0 dalam Terma dan Syarat Perjanjian Pembiayaan)
- 9 **Apakah risiko terlibat?**
 Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi pihak koperasi dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.
- 10 **Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**
 Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.
- 11 **Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi saya?**
 Adalah penting anda memaklumkan koperasi mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan anda disampaikan dengan lebih berkesan.
- 12 **Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**
 - Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi kami di talian 03-78771755.
 - Sekiranya anda ingin membuat aduan, sila hubungi kami di:
 Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (KOMUJA)
 No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya, Selangor.
 Tel: 03-78771755 E-mel: komuja@gmail.com
 - Sekiranya koperasi tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, anda boleh merujuk selanjutnya kepada:
 Suruhanjaya Koperasi Malaysia
 Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan
 Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
 Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
 Laman web: www.skm.gov.my
 Tel: 03-20834000 Faks: 03-20834100
 Atau
 Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = <http://apponline.skm.gov.my>

Nama Pemohon:
 No. Kad Pengenalan:

Tandatangan:

X

Akuan Berkanun

Saya

(No. K/P:) yang cukup umur dengan sesungguhnya

dan sebenarnya mengakui bahawa:

- 1. Saya mengesahkan bahawa saya telah memohon kemudahan Pembiayaan daripada Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad ("KOMUJA").
- 2. Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami segala butiran dan telah menandatangani dokumen-dokumen berikut yang bertarikh mengikut Surat Akuan ini atau sebelumnya:
 - a. Borang Keanggotaan
 - b. Surat Tawaran
 - c. Surat Perlantikan Wakil
 - d. Perjanjian Jualan Komoditi
 - e. Surat Kebenaran Pembayaran Kepada Pihak Lain
 - f. Notis Peribadi Bagi Pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
 - g. Borang BPA 1/79
- 3. Saya mengesahkan borang BPA 1/79 diluluskan dan ditandatangani oleh majikan saya. Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Saya secukupnya sedar sekiranya akuan berkanun dibuat ini didapati palsu, maka saya boleh dihukum di bawah Seksyen 199 dan 200 Kanun Keseksaan, di mana jika disabit kesalahan, saya boleh dihukum penjara maksimum tiga (3) tahun dan denda.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya)
 diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu)
)
)
 di)
 di Negeri)
 padaharibulan20.....)

Di hadapan saya

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)

Tarikh:

Koperasi Muda Maju Jaya Malaysia Berhad (“Koperasi”)

No 59, Tingkat 2, Jalan SS15/4C,

SS15, 47500 Subang Jaya,

Selangor.

Tuan,

**PROSES PENERIMAAN DUIT PEMBIAYAAN KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BHD
DAN BAYAR BALIK WANG PENDAHULUAN KEPADA WAKIL JUALAN**

Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

Saya _____ No K/P: _____

telah memohon pembiayaan peribadi sebanyak RM _____ daripada Koperasi Muda Maju
Jaya Malaysia Bhd. Pemohonan ini dibuat dengan kehendak saya sendiri.


Saya telah difahamkan oleh pihak koperasi berkenaan prosedur pembiayaan yang saya mohon. Saya
tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap semua prosedur yang telah diterangkan. Dengan ini
saya bersetuju juga bahawa jumlah tunai pendahuluan ini akan ditolak dari jumlah pinjaman yang
diluluskan dan termasuk kos-kos yang ditetapkan oleh pihak koperasi.

Selanjutnya saya mengesahkan bahawa saya telah terima duit pendahuluan secara tunai sejumlah:


RM _____ daripada wakil koperasi _____.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Cap Ibu Jari Kiri



Cap Ibu Jari Kanan

Nama : X

No. K/P:

Tarikh :



KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD

(Bil Daftar: 200971600405 / W-6-0539)

No 59, 2nd Floor, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya Selangor.

Tel: 03-7877 1755

PAYMENT VOUCHER

Vr No :

Date :

Pay to :

The sum of Ringgit Malaysia

Payment on Account of

RM

Cheque No : Bank :

Authorized by :	Prepared by :
Approved by :	Ledger No :

.....
(Signature of Recipient)

Name :

I/C No :

Date :



KOPERASI MUDA MAJU JAYA MALAYSIA BERHAD

(Bil Daftar: 200971600405 / W-6-0539)

No 59, 2nd Floor, Jalan SS15/4C, SS15, 47500 Subang Jaya Selangor.

Tel: 03-7877 1755

PAYMENT VOUCHER

Vr No :

Date :

Pay to :

The sum of Ringgit Malaysia

Payment on Account of

RM

Cheque No : Bank :

Authorized by :	Prepared by :
Approved by :	Ledger No :

.....
(Signature of Recipient)

Name :

I/C No :

Date :